



KENYATAAN TAWARAN (BIDAAN PENJANAAN)

No. Rujukan	UPM.SPP.BP002
Tajuk Bidaan Penjanaan	Bidaan Penjanaan Bagi Menjalankan Dan Menguruskan Perkhidmatan Kafetaria 2 Di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM), Serdang, Selangor
No. Peti	1
Tarikh Iklan	06 September 2019 (Jumaat)
Tarikh Tutup	19 September 2019 (Khamis)
Masa	12.00 Tengah Hari
Harga Dokumen (RM)	50.00
Tempat Dokumen boleh diperolehi	Kaunter Pejabat Bursar II, Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Tingkat 2, Pejabat Bursar, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia
Tarikh, Masa & Tempat Lawatan Tapak	12 September 2019 (Khamis), 10.00 pagi di Kafetaria 1 Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM), Serdang, Selangor
Kelayakan	Sijil Kementerian Kewangan Malaysia
Kod Bidang	040102 dan 040103
Pegawai untuk dihubungi	Pn. Siti Hajar binti Hanipah (03-97691437)

1. Pembida hendaklah mengemukakan salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia kepada pihak Pejabat Bursar sebelum dibenarkan membeli dokumen bidaan penjanaan. Jika tidak dapat hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan sebagai wakil yang ditauliahkan.
2. Kehadiran pembida ke taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh pemilik syarikat atau wakil. Sila bawa salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan dokumen pengenalan diri semasa menghadiri lawatan tapak. Dokumen bidaan penjanaan boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak.
3. Bayaran boleh dibuat secara tunai atau wang pos/kiriman wang pos/bank deraf atas nama "Bendahari Universiti Putra Malaysia". Pembayaran menggunakan cek syarikat atau cek peribadi tidak diterima. Bayaran secara tunai hanya boleh dibuat di Kaunter Pejabat Bursar III, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia.
4. Semua bayaran hendaklah dibuat di Kaunter Pejabat Bursar III, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia. Waktu bayaran di kaunter adalah seperti berikut:

Isnin - Khamis (8.00 pagi - 4.30 petang)
Jumaat (8.00 pagi - 12.00 tengah hari, 2.45 - 4.30 petang)
5. Dokumen bidaan penjanaan telah lengkap termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah dimasukkan ke dalam peti **No. 1** seperti alamat dibawah:

**Pejabat Bursar, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra,
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor**

